



"KUKUM Mampu Hasilkan Graduan Holistic & Cemerlang"



**En. Abdul Aziz
Mohd Najimuddin**

Oleh : Nurazrina Abd.Rahman



En. Abdul Aziz Mohd Najimuddin merupakan antara kumpulan perintis dalam penubuhan KUKUM, telah dipilih oleh MyKUKUM bagi menghiasi Ruangan Personaliti kali ini. MyKUKUM memilih En Abdul Aziz bagi mengenang jasa beliau bukan sahaja sebagai antara golongan perintis dalam penubuhan KUKUM tetapi juga merupakan antara mereka yang bersengkang mata menubuhkan Kolej Kediaman A di Taman Aman dan membangunkan Jabatan Hal Ehwal Pelajar, dan kini, atas kepercayaan pihak pentadbiran, beliau telah dipilih untuk mengetuai pentadbiran di Jabatan Hal Ehwal Pelajar KUKUM.

Beliau dilahirkan pada 18 Ogos 1954 di Gemas, Negeri Sembilan dan merupakan anak ke-3 daripada 4 orang adik beradik. En Aziz telahpun berumahtangga dengan Puan Khamisah BT Simon dan dikurniai 6 orang cahayamata. Kesibukan kerjaya dan keluarga tidak pernah menghalang minat beliau iaitu membaca buku terutamanya buku-buku berbentuk ilmiah untuk menambahkan pengetahuan dan perkembangan isu-isu semasa. Selain itu, En. Aziz juga gemar memancing untuk melapangkan fikiran dan memupuk kesabaran. Dari segi permainan pula, En. Aziz cenderung memilih permainan catur bagi menajamkan minda dan membentuk kemahiran dalam membuat perancangan dan strategi.

Meneliti sejarah kehidupan keluarga En Aziz, kesemua adik-beradik lelakinya berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti biarpun ayah beliau hanya berkerja sebagai Jurusemboyan di Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan mempunyai pendapatan sederhana serta sering berpindah di beberapa bandar di Semenanjung. En. Abdul Aziz menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Jalan Tapah , Tapah dan menerima pendidikan menengah di Sekolah Menengah Anglo Chinese School, Ipoh sehingga Tingkatan 6 atas dalam aliran Sains beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (1982) dan berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains (BSn) dalam bidang biologi.

Perjalanan kerjaya En Aziz bermula sebagai seorang Pegawai Bank di Malaysian French Bank, Kuala Lumpur sebaik sahaja beliau menamatkan pengajiannya di

universiti. Oleh kerana minat yang mendalam untuk bekerja di universiti, beliau meneruskan kerjayanya di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1983 sebagai Pegawai Tadbir di Bahagian Hal Ehwal Pelajar, 9 tahun kemudian iaitu pada tahun 1992 beliau bertukar ke USM Kampus Sri Iskandar, Perak sebagai Penolong Pendaftar di Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam. Pada tahun 1995 beliau sekali bertukar ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar, di kampus yang sama sebelum berpindah ke Kampus Kejuruteraan USM, Nibong Tebal, Pulau Pinang. Atas kepercayaan dan pengalaman yang ditimba sepanjang bertugas sebagai Pegawai Tadbir, akhirnya En Aziz dipilih sebagai salah seorang perintis dalam penubuhan KUKUM dan membangunkan Hal Ehwal Pelajar serta Kolej Kediaman A, Taman Aman, Bintong.

Prinsip hidup En. Aziz iaitu jujur, amanah dan bertanggungjawab sentiasa menjadi pegangan hidup beliau. Menurut En. Aziz setiap tugas yang diberikan adalah satu amanah yang perlu dijalankan dengan jujur dan ikhlas tanpa mengharapkan ganjaran sebagai balasan bagi setiap kerja yang dilakukan. Selain itu, tugas yang diberikan hendaklah dilakukan dengan sebaik mungkin. Setiap kesilapan harus dibaiki kerana kita sebagai manusia tidak terlepas daripada membuat kesilapan. Sikap suka bertanya kepada orang lain yang lebih berpengalaman amat perlu untuk memperbaiki tugas-tugas sehari-hari.

En. Aziz sebagai Pegawai Tadbir yang banyak menimba pengalaman, menaruh harapan agar warga KUKUM memainkan peranan sebaik mungkin untuk meninggikan martabat Kolej Universiti ini supaya mampu menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang cemerlang baik di peringkat negara maupun di peringkat antarabangsa. Selain itu, beliau juga melahirkan keyakinan bahawa dalam masa yang singkat KUKUM mampu menghasilkan graduan yang holistic, cemerlang di bidang akademik, mantap dari segi kerohanian, mempunyai ketahanan mental dan jati diri yang utuh serta mempunyai sifat kepimpinan yang tinggi dan berkualiter. Keyakinan ini timbul memandangkan KUKUM telahpun menerapkan nilai-nilai ini kepada pelajar-pelajarnya melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kolej universiti dan persatuan-persatuan di bawah bidang nasihat HEP yang diterajui oleh beliau sendiri.